

Rakyat Celik Politik

Oleh **Amirah Syazwani Baderol Sham**

Dalam dunia yang penuh persaingan, setiap insan perlu memperkemas diri dengan pelbagai ilmu. Dalam hal ini, ilmu atau pendidikan politik tidak terkecuali. Di Malaysia, pendidikan politik tidak diajar secara formal dan menyeluruh di sekolah dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang pada dasarnya menjadi satu faktor golongan muda menjauhkan diri daripada politik.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunjukkan bahawa sebanyak 1.9 juta orang atau 43 peratus daripada 4.3 juta orang pengundi yang layak masih belum mendaftar yang membuktikan kurang kesedaran politik di negara ini, khususnya dalam kalangan belia. Dakwaan menyatakan bahawa pendidikan politik hanya untuk seseorang yang bergiat aktif dalam bidang politik adalah tidak tepat memandangkan konsep ilmu politik sebenarnya lebih menyeluruh.

Pendidikan politik merangkumi gabungan dua istilah, iaitu pendidikan dan politik. Pendidikan politik merupakan proses berterusan yang membina pengalaman dengan tujuan meluaskan konteks sosial seseorang selain sebagai metode tambahan dalam kemajuan dan pembaharuan sosial. Pendidikan juga dikenal pasti sebagai penghubung antara sistem politik dengan rakyat. Pendidikan politik juga diibaratkan satu konsep yang kontroversial kerana hanya semata-mata disebabkan oleh kesannya, tetapi juga istilahnya. Pada hakikatnya, pendidikan politik sangat berbeza daripada politik.

Pendidikan politik juga merupakan elemen penting dalam keseluruhan sistem sosialisasi. Secara ringkas, pendidikan politik difahami oleh masyarakat sebagai pengetahuan

yang berkaitan dengan acara, aktiviti, proses, dan hubungan politik selain kehidupan masyarakat dalam sistem politik dan kesan individu serta keseluruhan masyarakat dalam keseluruhan komuniti.

Konsep pendidikan politik ini juga menimbulkan pelbagai interpretasi. Kebanyakan kajian terdahulu menganggap pendidikan politik di sekolah dikembangkan negara Barat mengandungi struktur formal institusi politik, perlembagaan, hak rakyat, dan perdebatan berkaitan dengan isu. Contohnya, di sekolah menengah Norwegian, menekankan kurikulum pendidikan politik terhadap pelajar hingga mereka mampu menguasai sistem politik itu.

Pendidikan politik membantu rakyat memahami politik yang sebenar. Pengetahuan dalam pendidikan politik membolehkan rakyat melibatkan diri dalam kehidupan berpolitik. Hal ini demikian kerana, pendidikan politik pada peringkat sekolah memberikan pendedahan pengetahuan dan idea politik kepada golongan remaja. Pendidikan politik ialah satu subjek yang begitu kompleks bagi rakyat menyesuaikan diri dengan sikap dan nilai, memperoleh pengetahuan dan menyertai kehidupan bermasyarakat. Secara formalnya, pendidikan politik menekankan struktur organisasi formal dan prosedur organisasi politik itu sendiri.

Dalam hal ini, rakyat perlu memiliki kemahiran, nilai, dan sifat yang diperlukan oleh sistem demokrasi bagi membolehkan sistem ini terus mekar berkembang. Mereka perlu mengetahui elemen asas sistem politik demokrasi bagi



membolehkan mereka menyertainya. Setiap negara yang mengamalkan sistem demokrasi mempunyai acuan yang berbeza berdasarkan senario politik negara berkenaan. Malaysia juga mempunyai acuan demokrasi yang berkonsepkan suasana dan keadaan politik rakyatnya.

Pendidikan politik melibatkan aktiviti dan pemahaman yang berkaitan dengan hubungan antara individu dengan masyarakat yang memberikan perspektif berbeza berkenaan dengan pandangan, nilai, dan pengetahuan aktiviti politik. Tujuan ini dapat dicapai melalui sosialisasi politik. Sosialisasi politik merupakan satu proses pembelajaran yang mendedahkan rakyat kepada orientasi kepercayaan, perasaan, dan komponen nilai terhadap kerajaan dan kehidupan berpolitik. Pendidikan politik juga melibatkan perdebatan isu semasa politik dan dasar sesebuah kerajaan. Contohnya, pemimpin di Amerika Syarikat dan Britain percaya bahawa pendidikan politik merupakan cara mempromosikan pandangan kerajaan.

Selain itu, pendidikan politik juga menyediakan pengetahuan kepada rakyat supaya mematuhi peraturan dan setia kepada negara selain sebagai

medium saluran kerajaan. Contohnya, semasa Perang Dingin, Amerika Syarikat menggunakan pendidikan politik untuk mempromosikan konsep demokrasi melalui aktiviti yang dijalankan oleh agensi, seperti United States Information Agency, United States Information Service and The Voice of America. Usaha ini dijalankan bagi membantu rakyat Amerika Syarikat untuk mengekalkan kepercayaan negara tersebut dan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan masyarakat.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh sarjana politik, pendidikan politik, dan pendidikan ideologi mempunyai persamaan dalam beberapa aspek, iaitu aktiviti dan objektif. Kedua-dua jenis pendidikan ini menjalankan aktiviti untuk meningkatkan keupayaan individu untuk bertahan dan terus bersaing dalam masyarakat. Kedua-dua jenis pendidikan ini juga seakan-akansama dengan kandungan pendidikan sivik.

Selain pendidikan sivik, pendidikan politik sering kali dikaitkan dengan pendidikan kewarganegaraan. Pendidikan kewarganegaraan diperkenalkan sebagai pendidikan politik dan pendidikan ideologi yang dibawa oleh negara kapitalis untuk melatih rakyatnya mengetahui politik. Contohnya di British, pendidikan kewarganegaraan turut menyetujui skop pendidikan politik dan pendidikan moral dalam kandungannya. Dalam kebanyakan negara, pendidikan politik ialah satu bahagian pendidikan kewarganegaraan.

Berdasarkan kajian sarjana, kenegaraan juga merupakan satu elemen pendidikan politik. Kenegaraan merupakan pendidikan yang mengajar tentang hal ehwal sesebuah negara untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Sementara itu dalam disiplin sains politik pula, kenegaraan amnya dirujuk sebagai pembinaan negara bangsa. Kenegaraan juga berkait rapat dengan semangat tinggi dan sikap prihatin serta pemahaman terhadap sejarah dan hal ehwal perjuangan untuk meninggikan martabat dan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara.

Umumnya, kenegaraan merupakan satu bidang pengajian yang matlamatnya melahirkan rakyat atau warganegara yang baik dan bertanggungjawab dalam usaha membentuk negara dan bangsa yang bersatu padu dan dihormati pada peringkat

antarabangsa melalui pembelajaran dan penghayatan pendidikan kenegaraan. Di Malaysia, ilmu kenegaraan menurus pengajian sistem demokrasi berparlimen, kemerdekaan, sejarah awal hingga kontemporari, perbincangan mengenai kepelbagaian dalam masyarakat majmuk, simbol kebesaran negara, sistem raja berperlembagaan, dasar, dan pentadbiran awam, serta rancangan pembangunan fizikal, sosial, pendidikan, ekonomi, keagamaan, dan peranan Malaysia dalam hal ehwal antarabangsa. Melalui pendidikan kenegaraan, semangat cinta, sayang dan setia kepada negara ataupun semangat patriotisme boleh disemai dalam diri rakyat.

Patriotisme pada umumnya dikaitkan dengan semangat, perasaan, sikap, kesedaran, dan idealisme yang menyentuh soal kebangsaan, kenegaraan, tanggungjawab, perjuangan, pengorbanan, kecintaan, kesetiaan, ketahanan diri, dan sumbangan warganegara terhadap negara, bangsa dan agama. Semangat ini mencorakkan daya ketahanan dan keazaman yang tinggi bagi membolehkan seseorang bertindak dengan berani dan cekal untuk mendaulatkan bangsa dan negara.

Patriotisme mempunyai perkaitan yang rapat dengan ideologi, seperti nasionalisme. Konsep patriotisme dan nasionalisme walaupun pada dasarnya merupakan perasaan cinta akan negara, tetapi ada perbezaannya. Nasionalisme merupakan perasaan dan sikap yang berkaitan dengan identiti bersama sebuah kumpulan yang berlainan dan terpisah daripada kumpulan yang lain.

Pada masa ini, semua negara menekankan kesedaran terhadap negara sebagai asas dalam pendidikan patriotisme. Contohnya, kerajaan Singapura berusaha memupuk kesedaran terhadap negara dalam kehidupan seharian rakyatnya melalui festival penting, seperti Hari Kebangsaan.

Pendidikan kewarganegaraan juga merupakan satu elemen pendidikan politik berdasarkan kajian yang dijalankan oleh sarjana politik. Pendidikan kewarganegaraan diperkenalkan kerajaan disebabkan oleh pandangan yang mengatakan masyarakat kini semakin kurang berminat dalam politik dan isu yang berkaitan dengan kerajaan, selain kurang percaya terhadap

institusi politik dan ahli politik. Oleh sebab itu, pendidikan politik inilah sebagai penyelesaian kerajaan untuk menghadapi isu tersebut. Sesebuah institusi termasuklah institusi politik diibaratkan, seperti kapal yang bukan hanya memerlukan nakhoda semata-mata untuk melayarkan kapal tersebut, bahkan individu yang berada di kapal tersebut juga berperanan sama untuk menggerakkannya.

Pendidikan kewarganegaraan merujuk pendidikan latihan kepada masyarakat untuk menjadi seorang rakyat sama ada melalui sistem persekolahan ataupun pengetahuan yang disampaikan melalui media, perundangan, dan pendidikan untuk golongan dewasa. Di Kanada, pendidikan ini mengandungi empat elemen, iaitu identiti nasional, kesuasasteraan politik, hak dan tanggungjawab rakyat, serta nilai.

Pendidikan politik juga merujuk kepada pendidikan tidak formal. Pendidikan tidak formal diajar kepada semua golongan usia baik dari peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa, golongan bekerja mahupun golongan tidak berpengetahuan. Ini menunjukkan apabila mereka memerlukan sesuatu pengetahuan, mereka akan mencari akses untuk mendapatkannya. Akses tersebut dikenali sebagai pendidikan tidak formal.

Pendidikan tidak formal juga diperlukan oleh seseorang sebagai keperluan peribadi, peningkatan profesional, dan pemahaman yang lebih mendalam berkaitan sesuatu perkara. Pendidikan tidak formal terbahagi kepada tiga kategori, iaitu: pendidikan berkaitan dengan program ekonomi, seperti keusahawanan, dan perancangan keluarga; pendidikan kehidupan berpolitik masyarakat; dan pendidikan berkaitan dengan sosiobudaya, seperti kepercayaan dan tradisi.

Berdasarkan konsep yang dikemukakan oleh para sarjana, kepentingan pendidikan politik kepada rakyat terutamanya kepada golongan muda wajar dititikberatkan. Senario politik Malaysia mungkin memerlukan pendidikan politik sebagai antara instrumen untuk membuka minda masyarakat dalam usaha meningkatkan kesedaran, penyertaan, dan sosialisasi politik dalam kalangan mereka. ■